Bahagian Dasar dan Konsultasi (BD&K)

Bahagian Dasar dan Konsultasi (BD&K) Bahagian Dasar dan Konsultasi (BD&K) dahulunya dikenali sebagai Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan merupak...

Portal Rasmi JKPTG · jkptg.gov.my · 4 Nov 2026

Bahagian Dasar dan Konsultasi (BD&K)

Bahagian Dasar dan Konsultasi (BD&K) dahulunya dikenali sebagai Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan merupakan Bahagian yang diwujudkan selepas penstrukturan semula Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) pada tahun 2015. BD&K merupakan salah satu Bahagian di bawah Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan (SKPP), JKPTG. BD&K dipecahkan kepada 2 unit yang melaksanakan fungsi-fungsi berikut: 1. Unit Dasar(i) Menyelaras, menyemak, mengemaskini dan menyediakan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan pekeliling-pekeliling berkaitan;(ii) Memberikan khidmat nasihat perundangan dan pentadbiran tanah kepada negeri-negeri yang dipertanggungjawabkan;(iii) Menjalankan kajian dan penyelidikan terhadap isu-isu dan masalah yang membabitkan perundangan dan pentadbiran tanah;(iv) Menyedia dan menyelaras jawapan kepada soalan-soalan Parlimen yang berkaitan; dan(v) Mengumpul data Tanah Rizab Melayu di seluruh Semenanjung Malaysia bagi tujuan rekod dan keperluan soalan-soalan Parlimen. 2. Unit Undang-Undang(i) Bertanggungjawab ke atas Kanun Tanah Negara (KTN) termasuk cadangan pindaannya;(ii) Menjalankan kajian dan penyelidikan terhadap isu-isu dan masalah yang membabitkan perundangan dan pentadbiran tanah;(iii) Menyedia dan menyelaras maklum balas Mesyuarat Jemaah Menteri, MajlisTanah Negara dan Pengarah Tanah Malaysia;(iv) Menyedia dan menyelaras jawapan kepada soalan-soalan Parlimen yang berkaitan; dan(v) Urus Setia Mesyuarat Teknikal pindaan Kanun Tanah Negara.

- Pengambilan
- Penyerahan
- Pelepasan

Hari Ini 153 Minggu Ini 17925 Bulan Ini 33098 Keseluruhan 11762847

- Tarikh Kemas Kini : 20 April 2026.

Warna Tema : Pilihan Bahasa:

Sumber: www.jkptg.gov.my (Mei 2026). Kandungan dipetik untuk tujuan demonstrasi prototaip.